

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

Cadangan Menaik Taraf Keselamatan Penduduk, Memantau Kes Kemalangan Jalan Raya
Dikalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Yang Menunggang Motosikal Secara Bahaya

Terima Kasih. Saya mengucapkan Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan dikasihi sekalian. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersidang di dewan mulia ini.

Demi kesejahteraan dan keselamatan penduduk negeri Pulau Pinang. Saya ingin memberi cadangan untuk memantau kawasan perumahan di Pulau Pinang yang perlu dipertimbangkan oleh kerajaan negeri.

Dengan izin Dato' Speaker, berdasarkan statistik kematian penunggang motosikal yang dikeluarkan oleh PDRM dari tahun 2014 hingga 2020 seramai 1,748 kanak-kanak yang berusia 6 tahun sehingga 15 tahun telah didapati maut kerana kemalangan motosikal.

Isu yang telah saya kenal pasti di kawasan saya adalah kanak-kanak dan remaja menunggang motosikal dengan bahaya dan boleh mengakibatkan kemalangan. Walaupun sudah ditegur, tetapi masih lagi ramai ibu bapa tidak pedulikan perkara ini, membenarkan anak-anak mereka menunggang motosikal, saya berharap masalah ini boleh diambil tindakan tegas atau hukuman berat terhadap ibu bapa yang tidak bertanggungjawab supaya mereka dapat mendapat pengajaran yang seharusnya.

Maka, saya ingin bercadang untuk meningkatkan taraf keselamatan Kawasan perumahan dengan Kerjasama PDRM meronda sambil memantau untuk jangka masa yang panjang di kawasan perumahan supaya keselamatan penduduk terjamin.

Kanak-kanak dan remaja yang mula belajar menunggang motosikal tanpa lesen, ini bukanlah asing di negeri ini, mahupun negeri lain, tidak kira bandar atau di luar bandar, pasti ada kanak-kanak yang sedang belajar mahupun sudah mahir membawa motosikal di kawasan berdekatan, memandangkan ia ditunggang di kawasan berdekatan, banyak situasi yang boleh dilihat seperti kanak-kanak atau remaja tidak memakai topi keledar, ketika menunggang motosikal.

Walaupun ia dipandu di kawasan perumahan berdekatan,namun kemalangan boleh berlaku di mana-mana dan bila-bila masa sahaja.Tidak memakai topi keledar boleh menyumbang kepada risiko kecederaan yang teruk sekiranya berlaku kemalangan.Jikalau lebih teruk ,ia boleh mendatangkan kematian.

Kedua, saya bercadang untuk memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) agar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dapat memantau keselamatan dan juga mendapat mengurangkan kes kemalangan di jalan raya.

Sekian, Terima Kasih.

Ong Choon Keat
N33 Air Itam
Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

